

Ong Ye Kung: Sistem berbilang parti timbulkan risiko jangka panjang kepada S'pura

Berita Mediacorp, 24 January 2017

SINGAPURA: Sistem pemerintah berbilang parti akan menimbulkan risiko-risiko jangka panjang yang nyata kepada Singapura.

Demikian menurut Menteri Pendidikan (Pendidikan Tinggi dan Kemahiran) Ong Ye Kung semalam (23 Jan), sedang beliau menyentuh tentang senario hipotesis Singapura menjadi sistem dua atau berbilang parti.

Risiko-risiko itu bukan timbul hasil sistem berbilang parti semata-mata, tetapi juga kerana faktor-faktor kuasa dan proses-proses yang memimpin Singapura dalam sistem itu, kata Encik Ong dalam sebuah seminar di sidang 'Singapore Perspectives' anjuran Institut Pengajian Dasar dengan tajuk "Apa akan jadi jika Singapura menjadi sistem dua atau berbilang parti?"

"Ayuh kita bercakap tentang PAP (Parti Tindakan Rakyat) - yang saya wakili hari ini. Senario yang digambarkan kepada kita ialah menjelang 2065, adakah ia akan digantikan oleh mungkin parti-parti lebih kecil yang, menerusi pilihan raya, berganti-ganti mentadbir sendiri atau menerusi perikatan?"

Beliau menarik perhatian bahawa untuk sistem dua atau berbilang parti dibentuk, garisan partisan mesti terlebih dahulu diwujudkan - dua laluan berbeza bagi negara ini.

"Sesetengah laluan ini seperti jalan yang bercabang. Ia menyimpang tetapi boleh bersatu semula. Kadangkala juga ia persimpangan T. Saya belok kiri, anda belok kanan, dan kami tidak akan pernah bertemu," katanya.

Encik Ong menyebut tentang Brexit - keputusan Britain untuk meninggalkan Kesatuan Eropah - serta pilihan raya presiden Amerika Syarikat yang berpecah belah, sebagai contoh-contoh apa yang boleh berlaku sekiranya masyarakat berpecah belah.

"Parti-parti politik adalah penting untuk mewakili pelbagai pandangan rakyat yang diwakili mereka, dan pilihan raya adalah wacana yang perlu dan aman untuk mencapai kata sepakat, mencari laluan yang sama. Ini teras demokrasi. Tapi teras yang sama ini boleh mencetuskan perbalahan, memecah belahkan masyarakat," katanya, sambil menarik perhatian ia boleh menimbulkan risiko-risiko jangka panjang kepada Singapura di bawah sistem berbilang parti.

Sistem berbilang parti juga boleh menyebabkan keputusan-keputusan dibuat dengan lebih perlahan, apatah lagi dalam landskap global yang berubah-ubah, tambah Encik Ong.

"Bayangkan jika kami mempunyai sistem berbilang parti pada 1965. Adakah kami akan dapat maju begitu pantas?" katanya.

Beliau menyebut tentang keupayaan Pemerintah untuk menarik pelaburan asing dari syarikat-syarikat berbilang negara ketika ia "bukan masa yang sesuai secara politik untuk melakukan demikian."

Kini, kata Encik Ong, Singapura perlu bergerak pantas. "Jika kami bayangkan masa depan yang penuh dengan cabaran - trend-trend demografi yang mencabar, landskap politik atau geopolitik yang berubah-ubah, persaingan lebih sengit secara antarabangsa, paras laut yang meningkat - perpaduan, tujuan sama dan keupayaan untuk bergerak lebih pantas daripada yang lain akan menjadi kelebihan utama Singapura.

"Sistem sekarang ini berfungsi dengan baik untuk kebanyakan rakyat Singapura dan Singapura. Ia masih mendapat undi saya sebagai sistem terbaik untuk Singapura."

Encik Ong menambah bahawa keseimbangan Singapura sebagai negara kecil "kemungkinan sistem satu parti." Ia mungkin PAP hari ini, namun ia boleh jadi sebuah lagi parti pada masa hadapan, asalkan ia parti paling berkebolehan untuk berkhidmat kepada Singapura, katanya.

SINGAPURA YANG BERBILANG PARTI

Namun apa akan berlaku kepada Singapura sekiranya ia ditadbir dua atau lebih banyak parti? Encik Ong menarik perhatian ia bukan fenomena yang baru, terutama di kalangan kawasan-kawasan undi yang hangat dipertandingkan. Beliau memberi contoh Pilihan Raya Umum 2011, apabila pasukan PAP tewas di Aljunied kepada Parti Pekerja.

"Pada 2011, apabila saya tidak berjaya menang di Aljunied, saya menjadi parti pembangkang di Aljunied. Jadi di Aljunied ketika itu, saya mempunyai para penyokong dan apabila mereka menganjurkan acara-acara, mereka akan menjemput saya sebagai tetamu terhormat. Banyak lagi kumpulan lain juga yang akan menjemput Anggota Parlimen Parti Pekerja sebagai tetamu terhormat.

"Tapi kebanyakannya akan menjemput kami berdua. Dan kami berdua akan hadir, dan saya rasa para tetamu di acara itu suka melihat kami bertembung. Dan dalam sistem berbilang parti, pada dasarnya, itu akan berlaku pada skala lebih luas di serata negara, di acara-acara, di balik tabir," katanya.

Kesatuan-kesatuan, persatuan dan kumpulan suku kaum serta media juga boleh berpecah-belah dalam sistem berbilang parti, kata Encik Ong.

Beliau menambah bahawa perkhidmatan awam adalah institusi yang akan menghadapi cabaran paling besar, kerana ia tidak boleh berpihak kepada sesiapa secara politik dan berkhidmat kepada mana-mana parti yang menjadi Pemerintah.

Beliau berkata adalah terpuang kepada rakyat sama ada Singapura ditadbir sebuah parti atau banyak parti.

Bagi PAP, ia harus memastikan sistem sekarang ini terus berfungsi dengan baik, kata Encik Ong.

"Kami mesti menjadi parti yang berfikiran terbuka dan terus sehaluan dengan peredaran masa dan keadaan - jadi dasar-dasar akan sesuai dengan keperluan masyarakat dan rakyat. Jangan sekali-kali fikir huraian hari ini adalah yang terbaik.

"Kami mesti menarik bakat-bakat dari latar belakang paling berpelbagai mungkin, untuk berkhidmat. Itulah sebabnya, setiap penggal, kami menggantikan suku hingga sepertiga calon-calon kami," ujarnya.

Encik Ong menarik perhatian bahawa adalah satu cabaran bagi PAP menjadi parti yang semajmuk mungkin.

"Parti semua warna - anda bawa masuk semua orang dengan pandangan berbeza. Boleh dikatakan ada banyak PAP. Anda ada PAP PM Lee Hsien Loong. Anda ada PAP DPM Tharman (Shanmugaratnam). Anda ada PAP Louis Ng, Denise Phua, Patrick Tay atau Halimah Yacob. Semua orang dengan pandangan, objektif berbeza yang mereka mahu capai - dan ia mesti menjadi parti yang sebesar mungkin untuk mengambil mereka semua," katanya.

"Hari ini, saya rasa ia wujud. Ada pandangan-pandangan berbeza, tetapi pihak umum tidak melihatnya. Namun mungkin, sebagai sebahagian daripada kemahiran kami dalam mentadbir, ia sesuatu yang kami perlu rasmikan," ujar Encik Ong.